

Series RHB

Code No. 19

Candidates must write the Code on the title page of the answer-book.

Roll No.

--	--	--	--	--	--	--

- Please check that this question paper contains **22** printed pages.
- Code number given on the right hand side of the question paper should be written on the title page of the answer-book by the candidate.
- **Please write down the Serial Number of the question before attempting it.**
- 15 minutes time has been allotted to read this question paper. The question paper will be distributed at 10.15 a.m. From 10.15 a.m. to 10.30 a.m., the students will read the question paper only and will not write any answer on the answer script during this period.

SUMMATIVE ASSESSMENT – II

BAHASA MELAYU

Time allowed : 3 hours

Maximum Marks : 80

Masa : 3 jam

Markah : 80

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian iaitu **Bahagian A**, **Bahagian B**, **Bahagian C** dan **Bahagian D**.
2. **Bahagian A** terdiri daripada **soalan 1** yang mengandungi empat bahagian iaitu (i), (ii), (iii), dan (iv). Anda wajib menjawab kesemua bahagian tersebut.
3. **Bahagian B** terdiri daripada **soalan 2** yang mengandungi tiga bahagian iaitu (i), (ii), dan (iii). Anda dikehendaki menjawab **semua** soalan.
4. **Bahagian C** terdiri daripada **soalan 3**, **soalan 4**, dan **soalan 5** yang mengandungi 25 soalan tatabahasa berbentuk objektif. Jawab semua soalan.
5. **Bahagian D** terdiri daripada **soalan 6** dan **soalan 7** yang mengandungi dua soalan komsas berbentuk objektif dan **soalan 8** dan **soalan 9** yang mengandungi dua soalan komsas berbentuk subjektif. Anda diminta menjawab semua soalan.
6. Anda dinasihati supaya mengambil masa **50 minit** untuk menjawab **Bahagian A**, **40 minit** untuk **Bahagian B**, **40 minit** untuk **Bahagian C** dan **30 minit** untuk **Bahagian D**.
7. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.
8. Anda diberi 15 minit untuk membaca kertas soalan. Anda **tidak** dibenarkan menulis atau membuat sebarang catatan dalam tempoh ini.
9. Kertas soalan ini mengandungi 21 muka surat sahaja.

SOALAN 1

(i) *Baca teks di bawah dan pilih jawapan yang paling sesuai bagi soalan – soalan yang diberikan.*

Sakit kuning atau hepatitis B merupakan suatu penyakit yang sebahagian besarnya dihidapi oleh bayi yang baru lahir. Penyakit ini berlaku apabila tisu-tisu dalam tubuh badan dimasuki oleh pigmen hempedu (*bilirubin*) yang mengakibatkan kulit, selaput lendir, dan bahagian mata putih menjadi kuning. Kadangkala penyakit ini disebabkan oleh kerosakan pada sel darah merah juga. Mereka yang pernah menghidap penyakit anemia, malaria, dan radang paru-paru juga mudah dihidangi oleh penyakit tersebut.

Banyak kajian yang telah dijalankan oleh pakar-pakar perubatan tentang penyakit ini. Antaranya termasuklah pakar-pakar perubatan dari Universiti California. Mengikut kajian yang telah dijalankan itu, kanak-kanak yang baru lahir mudah diserang penyakit tersebut. Walau bagaimanapun, hasil kajian itu menunjukkan bahawa bayi yang lahir cukup bulan dan sihat, tidak perlu dirawat di hospital jika mereka mempunyai tanda-tanda diserang penyakit kuning. Tanda-tanda tersebut merupakan **fenomena** biasa bagi kanak-kanak yang dilahirkan dalam abad ini.

Kesan penyakit kuning ini pernah dibincangkan oleh pakar-pakar pediatrik. Setelah beberapa kes demam kuning dianalisis, ternyata bahawa penyakit ini tidak mendatangkan kesan yang buruk seperti pekak, kurang cerdik, dan masalah neurologi. Tanggapan selama ini yang menyatakan bahawa penyakit kuning boleh mendatangkan kesan yang buruk merupakan hipotesis sahaja. Hal ini demikian kerana tiada bukti yang dijumpai bagi menyokong pendapat tersebut.

Bagi bayi yang lahir tidak cukup bulan amat mudah mendapat kesan yang buruk sekiranya menghidap penyakit kuning. Oleh hal yang demikian, bayi tersebut perlu mendapat rawatan yang sempurna di hospital. Sekiranya tindakan segera untuk merawat bayi tersebut tidak dilakukan kemungkinan besar bayi tersebut akan mengalami cacat. Suatu kaedah rawatan yang sesuai untuk mengatasi perkara ini terjadi ialah dengan meletakkan bayi tersebut di bawah cahaya biru selama 18 hingga 24 jam atau lebih. Rawatan ini dikenal sebagai fototerapi. Kaedah rawatan ini sedang diperhalus untuk memperoleh kesan yang maksimum. Sementara itu, terdapat alat-alat rawatan yang diperbaharu dan dipermudah juga, sejajar dengan perkembangan teknologi perubatan.

(Majalah Fokus, April 1998)

(5 Markah)

- i. Siapakah yang berisiko tinggi menghadapi sakit kuning?
- A Bayi yang lahir tidak cukup bulan
 - B Kanak-kanak
 - C Penghidap penyakit anemia, malaria, dan radang paru-paru
 - D Kanak-kanak yang kerosakan pada sel darah merahnya
- ii. Bagaimanakah rawatan yang dilakukan kepada bayi yang menghidap penyakit kuning?
- A Rawatan secara fototerapi
 - B Berjemur di bawah cahaya matahari
 - C Memasukkan pigmen hempedu ke dalam tisu badan
 - D Melakukan suntikan vaksin
- iii. Apakah tanggapan kebanyakan orang terhadap penghidap sakit kuning?
- A Penghidap sakit kuning akan mengalami cacat.
 - B Selaput mata penghidap sakit kuning akan berlendir.
 - C Tisu-tisu tubuh badan penghidap sakit kuning rosak.
 - D Penghidap sakit kuning mudah mendapat radang paru-paru.
- iv. Semua pernyataan yang berikut benar tentang sakit kuning kecuali...
- A Penghidap sakit kuning boleh dirawat dengan kaedah tradisional.
 - B Penyakit kuning hanya berlaku kepada kanak-kanak.
 - C Sakit kuning disebabkan oleh kerosakan pada sel darah merah.
 - D Penghidap sakit kuning akan mengalami kekuningan pada bahagian mata putil
- v. Kata fenomema dalam petikan sesuai digantikan dengan kata...
- A akibat.
 - B peristiwa.
 - C kejadian.
 - D tingkah laku.

- (ii) Baca surat di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Persatuan Ibu Bapa dan Guru,
Sekolah Kebangsaan Pasir Panjang,
71250 Pasir Panjang,
Negeri Sembilan.

Pengurus,
Syarikat Percetakan Daya Maju,
Jalan Rasah,
71200, Seremban,
Negeri Sembilan.

13 MAC 2001.

Tuan,
Memohon Sumbangan Derma Bagi Menjayakan Seminar Keibubapaan

Saya diarahkan merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Yang berikut ini ialah butir-butir tentang perkara tersebut:

Tarikh : 1 April 2001

Masa : 8.30 pagi hingga 6.00 petang

Tempat : Dewan Sekolah Kebangsaan Pasir Panjang

3. Bersempena dengan seminar tersebut, dua orang pakar motivasi akan diundang untuk memberikan ceramah tentang kepentingan pendidikan kepada ibu bapa murid-murid sekolah ini. Beberapa program lain akan diadakan juga. Program tersebut termasuklah pameran tentang kegiatan sepanjang tahun murid-murid sekolah ini. Selain itu, pihak jawatankuasa juga bercadang menjemput pihak bomba untuk memberikan ceramah tentang langkah-langkah mencegah kebakaran. Kemudian, mereka diminta membuat demonstrasi tentang cara-cara memadamkan api.

4. Sehubungan itu, kami meminta jasa baik tuan untuk menghulurkan sumbangan ikhlas untuk membolehkan kami menampung perbelanjaan menjayakan program-program tersebut. Sumbangan tuan, bolehlah dibayar atas nama Bendahari Persatuan Ibu Bapa dan Guru atau memasukkan terus ke dalam akaun kami: BBMB 6-81671612-05 sebelum atau pada 25 Mac 2001.

Kerjasama dan kesudian tuan menghulurkan sumbangan untuk menjayakan seminar tersebut kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Saya yang menurut perintah,

Nurul Huda

(Nurul Huda Ismail)

Setiausaha Persatuan Ibu Bapa dan Guru,
Sekolah Kebangsaan Pasir Panjang

(5 Markah)

- i. Apakah tujuan surat ini ditulis?
- A Untuk memaklumkan tarikh seminar
 - B Mengundang pengurus Syarikat Percetakan Daya Bumi ke seminar
 - C Memohon sumbangan derma
 - D Memaklumkan tentang penganjuran seminar keibubapaan
- ii. Bilakah keputusan untuk mengadakan seminar keibubapaan dibuat?
- A Pada 13 Mac 2001
 - B Pada 1 April 2001
 - C Pada 2 Mac 2001
 - D Pada 25 Mac 2001
- iii. Pada pendapat anda apakah intipati ceramah yang akan disampaikan oleh pakar motivasi?
- A Peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak
 - B Peranan ibu bapa untuk memperoleh pendidikan
 - C Masa hadapan sistem pendidikan murid-murid sekolah
 - D Peranan pendidikan kepada ibu bapa
- iv. Mengapakah sumbangan derma diperlukan oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru, Sekolah Kebangsaan Pasir Panjang?
- A Untuk menampung perbelanjaan yang diperlukan oleh pihak sekolah
 - B Untuk menampung perbelanjaan aktiviti-aktiviti murid-murid sekolah
 - C Untuk menampung perbelanjaan aktiviti-aktiviti yang dijalankan pada seminar
 - D Untuk menambahkan sumber kewangan Persatuan Ibu Bapa dan Guru
- v. Kata **mengundang** dalam petikan tadi sesuai digantikan dengan...
- A menjemput.
 - B membawa.
 - C mempelawa.
 - D memanggil.

(iii) Baca puisi di bawah ini. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Renungkanlah,
Kegagalan bukan bererti mati,
Kita insan bernyawa,
Selagi jantung berdenyut,
Kehidupan perlu diteruskan.

Kejayaan,
Kecemerlangan,
Bebas,
Luas digapai.

Bukan wang jadi ukuran,
Bukan budi jadi sempadan,
Cekal, tabah,
Disambut kegigihan,
Mencapai puncak kejayaan.

Tiada kata putus asa tersembur,
Tiada coretan nokhtah ,
Tiada ukiran sumbing dicipta,
Tiada tarian sumbang,
Segalanya pasti terhasil.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada Pendidik Bil 16-2007)

(5 Markah)

- i. Mengapakah kita tidak harus kecewa sekiranya menghadapi kegagalan?
- A Kerana kegagalan bukan bererti kemusnahaan
 - B Kerana kejayaan akan tercapai pada bila-bila masa
 - C Kerana orang yang kecewa tidak berpeluang untuk memperoleh kejayaan
 - D Kerana setiap orang tidak akan menghadapi kegagalan
- ii. Kata **digapai** dalam puisi bermaksud...
- A diambil.
 - B dicapai.
 - C dicari.
 - D dikumpul.
- iii. Kejayaan dapat dicapai dengan mengamalkan sikap-sikap berikut kecuali...
- A tabah.
 - B gigih.
 - C gagah.
 - D cekal.
- iv. Maksud perenggan terakhir dalam puisi tadi ialah...
- A kejayaan sentiasa diperoleh oleh setiap orang.
 - B usaha yang bersungguh-sungguh pasti memperoleh kejayaan.
 - C kejayaan mudah dicapai.
 - D kejayaan akan tercapai walaupun tanpa usaha yang gigih.
- v. Pada pendapat anda tajuk yang sesuai untuk puisi tadi mungkin sekali...
- A kegagalan.
 - B kegigihan.
 - C kejayaan.
 - D kekecewaan.

(iv) Baca laporan di bawah ini. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada minggu yang lalu Persatuan Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan Taman Rakan telah mengadakan lawatan sambil belajar ke sebuah ladang getah di Sungai Ara, Perak. Tujuan lawatan kami ialah untuk mengetahui cara-cara getah ditoreh dan diproses.

Setelah sampai di sana, kami telah disambut oleh pengurus lading tersebut, Encik Halim bin Bakar. Kami telah dibawa ke bilik khas dan diberi taklimat ringkas selama 15 minit. Kemudian, seorang pekerja ladang itu telah membawa kami ke ladang getah lalu menunjukkan kepada kami cara menoreh getah yang betul. Pekerja itu menggunakan sejenis pisau getah khas. Batang getah ditoreh pada bahagian kulit pokok di sekelilingnya hingga mengeluarkan susu getah. Susu getah berwarna putih dan pekat.

Susu getah pula mengalir ke dalam sebuah mangkuk plastik yang diikat pada pokok getah. Selepas beberapa jam, susu tadi dikumpulkan ke dalam sebuah baldi besi lalu dibawa ke kilang.

Kami kemudiannya dibawa ke kilang dan berpeluang melihat bagaimana getah diproses. Di kilang memproses getah, susu getah dibekukan. Kemudian, dimesin dengan mesin khas menjadi bentuk kepingan. Kepingan-kepingan getah itu disalai di rumah asap. Kepingan-kepingan yang telah disalai, diperiksa untuk menentukan mutu dan kelas getah tersebut. Kepingan-kepingan getah ini dihantar ke kilang-kilang memproses bahan-bahan yang dibuat daripada getah atau dieksport ke luar negara.

Setelah tamat lawatan itu, kami terus pulang ke sekolah. Lawatan kami amat menarik dan dapat menambah pengetahuan tentang pemprosesan getah di Malaysia. Sekian.

Disediakan oleh,

Mohd Firdaus

(MOHD. FIRDAUS) 30 APRIL 2000.

Setiausaha Persatuan Bahasa Melayu,
Sekolah Kebangsaan Taman Rakan

(5 Markah)

P.T.O.

- i. Apakah kegunaan mangkuk plastik yang diikat pada pokok getah?
 - A Mengumpul getah
 - B Menakung susu getah
 - C Menahan air hujan
 - D Membekukan susu getah
- ii. Apakah tujuan lawatan tersebut?
 - A Menambahkan pengetahuan dan teladan
 - B Melihat cara getah ditoreh dan diproses
 - C Melihat cara penoreh menoreh getah bekerja di ladang getah
 - D Mengetahui kegiatan-kegiatan yang dilakukan di ladang getah
- iii. Yang berikut ialah maklumat yang mungkin diperolehi oleh murid-murid kecuali...
 - A mengetahui cara menoreh getah dan cara getah diproses.
 - B mengetahui proses menoreh dan mengumpul susu getah.
 - C mempelajari cara-cara menoreh getah.
 - D melihat getah yang telah menjadi tayar.
- iv. Susun ayat-ayat yang berikut mengikut urutan pemprosesan getah yang betul.
 - I Getah ditoreh dengan menggunakan pisau khas.
 - II Kepingan getah disalai di rumah asap.
 - III Susu getah mengalir ke dalam mangkuk getah.
 - IV Susu getah dibekukan menjadi kepingan.
 - A I, II, III, dan IV
 - B II, I, III, dan IV
 - C I, III, II, dan IV
 - D I, III, IV, dan II
- v. Yang berikut ialah barangan yang dibuat daripada getah kecuali...

A baju hujan.	C kasut
B tayar.	D baldi

SOALAN 2

- (i) *Baca petikan di bawah dengan teliti dan tulis sebuah ringkasan tentang kebaikan belajar secara berkumpulan. Panjang ringkasan anda hendaklah tidak melebihi 80 patah perkataan. Anda digalakkan menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Kita sering mendengar beberapa istilah seperti kumpulan perbincangan, study group, study circle, halaqah ataupun usrah. Pada umumnya, kumpulan perbincangan ini merupakan suatu kumpulan kecil individu yang ditubuhkan untuk membincangkan dan bertukar-tukar pendapat tentang perkara-perkara tertentu bagi kepentingan anggota kumpulan tersebut. Aktiviti ini dianggap suatu tradisi meningkatkan ilmu jika perbincangan itu dijalankan secara berkekalan.

Dalam proses memahami bahan-bahan yang kita peroleh daripada buku atau kuliah untuk disusun dalam bentuk lebih kemas, kita memerlukan perbincangan. Kerap kali kita mempunyai pecahan-pecahan ilmu yang terasing atau bahan yang berselerak dan kita tidak dapat mengaitkannya dengan konteks yang sebenarnya. Mungkin pecahan-pecahan yang kita miliki tidak cukup untuk kita kaitkan dan sambungkan sebagai satu kesatuan yang jitu.

Kita memerlukan orang lain untuk memberikan pecahan-pecahan yang tidak kita miliki itu dan menyusunnya sebagaimana isi kandungan itu seharusnya disusun. Tugas itu memerlukan perkongsian pendapat dengan rakan-rakan atau orang yang sama-sama mahu mendapatkan pengetahuan tersebut. Jikalau perbincangan itu disertai oleh orang yang lebih mahir dan pakar, kesan perbincangan itu lebih bermakna.

Apabila kita bekerja dengan orang lain, kadar kepantasan kita akan meningkat. Hal ini demikian kerana adanya unsur-unsur persaingan dan tentulah kita mahu mengemukakan pendapat yang terbaik dan sumbangan yang bermanfaat kepada kumpulan. Dengan demikian kita akan membuat persediaan awal yang bersungguh-sungguh untuk menyayakan perbincangan itu.

Namun begitu, kumpulan perbincangan itu ada juga keburukannya. Bagi sesuatu perkara yang rumit dan memerlukan kebolehan intelektual, perbincangan lebih banyak memberikan gangguan dan akhirnya objektif pembelajaran tidak tercapai.

(Majalah Fokus, Januari 1998)

(5 Markah)

- (ii) Gambar di bawah menunjukkan sebahagian amalan hidup sihat. Huraikan pendapat anda cara-cara pencegahan denggi. Panjangnya huraian anda hendaklah tidak melebihi 150 patah perkataan.

(5 Markah)



- (iii) Tulis sebuah karangan tentang salah *satu* daripada perkara di bawah. Panjang karangan anda hendaklah tidak melebihi 150 patah perkataan.

(5 Markah)

- Semua pelajar diwajibkan menyertai kegiatan kokurikulum di sekolah. Tulis suatu syarahan yang bertajuk “Faedah Menyertai Kegiatan Kokurikulum di Sekolah”.
- Anda ialah setiausaha sebuah kelab di sekolah anda. Kelab tersebut bercadang untuk melawat ke rumah anak-anak yatim. Tulis sepucuk surat kepada pengetua rumah anak-anak yatim itu untuk menyatakan kedatangan anggota-anggota kelab tersebut dan tujuan lawatan itu.

Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul atau mungkin salah. Tandakan A, B, atau C jika ayat itu mempunyai kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- i. Goreng cempedak yang sedang digoreng oleh kakak untuk minum petang amat harum
A B
baunya. Tiada kesalahan
C D
- ii. Pertuturan Wan Chik yang mengikut telur Terengganu sukar difahami oleh rakannya.
A B C
Tiada kesalahan
D
- iii. Kegiatan merosakkan telefon awam sering diperlaku pada waktu malam.
A B C
Tiada kesalahan.
D
- iv. Pada zaman sekarang, para remaja patut merebut apa-apa sahaja peluang untuk
A B C
melanjutkan pelajaran. Tiada kesalahan
D
- v. Aduhai, cantiknya rumah-rumah di Taman Cempaka!. Bilakah aku dapat memiliki satu
A B C
daripadanya? Tiada kesalahan
D
- vi. Setengah-setengah orang meminati rancangan Malaysia Hari ini, manakala
A
sebahagiannya pula meminati rancangan Selamat Pagi Malaysia. Tiada kesalahan.
B C D
- vii. Setiap ahli keluarga saling perlu-memerlukan demi mewujudkan keharmonian keluarga.
A B C
Tiada kesalahan.
D

- viii. Sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan melibatkan pengetua – pengetua dan guru besar-guru besar. Tiada kesalahan
- A B
C D
- ix. Sebuah jejambat akan dibina di hadapan sekolah itu untuk memudahkan para pelajar melintas jalan. Tiada kesalahan.
- A B
C D
- x. Nadhirah terpaksa menjalankan pembedahan setelah doktor mengesahkan bahawa penyakit yang dihidapinya bertambah kronik. Tiada kesalahan.
- A B
C D

SOALAN 4

- i. Pelancong dapat _____ keindahan semulajadi Sungai Sarawak jika melawat negeri Bumi Kenyalang.
- A mengecapi
- B merasai
- C menghayati
- D membayangi
- ii. Kita tidak perlu mengikut _____ Barat dalam usaha mengekalkan keaslian pakaian tradisional kita.
- A cara
- B pimpinan
- C budaya
- D arahan

- iii. Para pelajar _____ melakukan perkara-perkara yang tidak sopan.
- A ditegah
 - B ditahan
 - C disanggah
 - D dibangkang
- iv. Salmi mencabut _____ uban di kepala neneknya.
- A sehelai
 - B seurat
 - C secekak
 - D sebatang
- v. Cincin yang dipakai olehnya dihias indah dengan _____ permata.
- A sebiji
 - C sebuah
 - B sebutir
 - D setitik
- vi. Abang _____ semasa menjawab soalan dalam peperiksaan.
- A kepala otak
 - B otak udang
 - C otak beku
 - D memerah otak
- vii. Adik menggunakan _____ untuk menyelesaikan soalan matematik itu.
- A kuda-kuda
 - B kisi-kisi
 - C kira-kira
 - D dekak-dekak

- viii. Azmi telah mendeklamasi sajaknya dengan suara yang _____ agar setiap patah perkataan yang disebut dapat difahami oleh pendengar.
- A Kuat
 - B Merdu
 - C Kasar
 - D Lantang
- ix. Bakri tidak pernah mengharap belas ihsan daripada abang-abangnya _____ dia seorang yang cacat.
- A Malahan
 - B Walaupun
 - C Oleh sebab
 - D Di samping itu
- x. Sudah dua jam aku menunggu kepulangan ayah, _____ bayangnya pun tidak kelihatan.
- A Namun
 - B Manakala
 - C Oleh itu
 - D Sebab itu

(10 Markah)

SOALAN 5

Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai bagi pernyataan-pernyataan yang berikut.

- i. "Kamu jangan cuba jadi _____, nanti buruk padahnya," kata Asri kepada Jamil.
- A batu api
 - B cakar ayam
 - C angkat bakul
 - D ayam tambatan
- ii. Ibu dan ayah saya tidak pernah _____ terhadap kami adik-beradik.
- A pilih kasih
 - B sampai hati
 - C makan angin
 - D campur tangan
- iii. Kami menerima cadangan itu dengan _____ demi kebaikan bersama.
- A tebal telinga
 - B keras kepala
 - C ringan tangan
 - D tangan terbuka
- iv. Keputusan Doktor Hasbullah untuk pulang ke kampungnya dan membuka sebuah klinik di situ bagai _____.
- A ayam dimakan tangau
 - B sirih pulang ke gagang
 - C telur di hujung tanduk
 - D mendukung biawak hidup
- v. Puan Aminah _____ setelah suaminya meninggal dunia.
- A batu api
 - B patah kandar
 - C pekak badak
 - D masuk akal

(5 Markah)

Bahagian D

[20 markah]

SOALAN 6

Berdasarkan pantun di bawah, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

SYAIR TENAGA PEMUDA

Tenaga pemuda kalau diasuh,
Pimpin dan didik kotor dibasuh,
Tidaklah ia menjadi lusuh,
Amat berguna menentang musuh.

Tenaga pemuda memang terbilang,
Tenaga yang sedang gilang-gemilang,
Beban yang berat dapat dijulang,
Benda yang jauh dapat dijulang.

Tenaga pemuda tenaga bererti,
Tenaga yang berani menempah mati,
Tidak mengenal erti nanti,
Hanya penuh kemahuan mesti.

Tenaga pemuda mestilah sayang,
Jangan dibiarkan lemah dan goyang,
Di waktu muda tenaga kencang,
Berani sampai berputih tulang.

Tenaga pemuda kalau dijaga,
Kelak akhirnya sangat berharga,
Tenaga yang menjadi harapan bangsa,
Gagah berani mempertahankan negara,

(*Antologi Anak Bumi Tercinta, DBP, 2001*)

(5 Markah)

- i. Maksud rangkap ketiga puisi di atas
- A sesebuah negara hendaklah menjaga tenaga pemuda demi keamanan negara.
 - B golongan pemuda mempunyai tenaga yang kuat. Mereka sangat gagah dan berani.
 - C tenaga pemuda sangat penting untuk pembangunan negara. Mereka juga mestilah berani dan sanggup berjuang untuk mencapai cita-cita.
 - D pemuda mesti sayang akan diri sendiri. Mereka hendaklah menjauhi daripada melakukan perkara-perkara yang boleh membinasakan diri.
- ii. Bilakah golongan pemuda yang berpendidikan penting kepada negara?
- A Ketika bekerja bersungguh-sungguh
 - B Ketika negara huru-hara
 - C Ketika menjadi pemimpin
 - D Ketika melakukan kerja berat
- iii. Mengapakah tenaga pemuda sangat tinggi nilainya?
- A Kerana dapat mempertahankan negara
 - B Kerana menjadi sandaran rakyat
 - C Kerana memiliki tenaga yang kuat
 - D Kerana menentukan kejayaan negara
- iv. Apakah maksud, Tidak mengenal erti “nanti” Hanya penuh kemahuan “mesti” ?
- A Sanggup menjalankan sebarang kerja
 - B Tidak suka menangguhkan kerja
 - C Melakukan kerja sehingga selesai
 - D Membuat kerja dengan bersungguh-sungguh
- v. Dalam rangkap kelima, disarankan supaya kita
- A menyayangi tenaga pemuda
 - B menyemai cita-cita semasa muda
 - C memenuhi keinginan semasa muda
 - D jangan mensesiakan usaha pemuda

SOALAN 7

Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Waktu itu Mak Ngah Jenab peluk emak. Tangan emak telah terlepas daripada tali sauh yang dipegangnya. Kak Jarah memegang birai telaga dengan kedua-dua belah tangannya. Emak mula menangis. Nampak kepala Matain melepek dengan lumpur. Pak Cik Bakar dan Pak Ngah Isa sambut Matain daripada belakang Mat Daud. Pak Cik Isa lalu memegang kedua-dua belah kaki Matain di atas bahu dan membiarkan kepala terkulai di atas belakangnya.

Kemudian Pak Cik Isa membawa berlari keliling. Ada air keluar dari mulut Matain dan mengalir atas punggung Pak Ngah Isa. Kemudian Pak Ngah Isa letak Matain telentang di atas rumput dekat telaga. Pak Ngah Isa sedut nafas dengan mulut daripada mulut Matain. Majid cuba mengangkat lengan Matain ke atas dan ke bawah seperti yang dipelajari di sekolah. Kemudian Matain ditiarapkan pula.

Sedu emak dan sedu Kak Jarah bertambah kuat.

Kedua-dua berdiri memerhati usaha jiran-jiran untuk memulihkan Matain. Tubuh yang masih panas dan masih lembik seperti memberikan harapan kepada orang-orang yang ada bahawa Matain akan pulih. Kemudian Pak Cik Bakar memegang kedua-dua belah pergelangan tangan Matain.

“Sudah tidak ada lagi.”

Pak Cik Bakar menggeleng-geleng. Pak Cik Isa pula memegang tangan Matain. Dan merasakannya beberapa ketika dengan mata tidak berkelip-kelip.

“Ya, sudah tidak ada lagi.”

Emak dan Kak Jarah meraung sekuat hati. Beberapa orang perempuan juga mula menghisap hingus masing-masing. Setiawa hanya memandang dengan rasa tidak percaya kepada Matain yang terlentang di atas rumput. Kemudian Matain diangkat oleh Pak Cik Bakar ke atas rumah. Tangisan emak dan Kak Jarah mengiringi setiap langkah Pak Cik Bakar. Emak teringat akan gulai ikan keli di dalam periuk untuk makan malam.

“Pak Cik Amat buat rumah di mana, Mak Cik Esah?” Majid baru teringat kepada bapak Matain.

“Di Kampung Sirih, dekat kilang gergaji... rumah Yassin tauke batik.”

Majid segera pulang ke rumah dan pakai baju. Kemudian Majid kayuh basikal dengan pantas menuju ke jalan besar. Bapak pulang. Abang Jali pulang. Kedua-duanya disambut dengan kemenyan yang semerbak menerawang ke muka pintu, dan orang-orang perempuan yang bertenggekan di bendul dengan mata dan hidung yang merah.

(Dipetik daripada cerpen Anak Bumi Tercinta, DBP, 2001)

(5 Markah)

- i. Frasa menghisap hingus masing-masing membawa maksud...
- A berasa selsema
 - B menahan kesedihan
 - C menangis tersedu – sedu
 - D keadaan diri yang tidak sihat
- ii. Yang berikut merupakan pertolongan cemas untuk memulihkan Matain, kecuali ...
- A Matain dibawa ke hospital
 - B Matain ditiarapkan di atas rumput.
 - C Majid mengangkat lengan Matain ke atas dan ke bawah.
 - D Pak Ngah Isa menyedut nafas dengan mulutnya daripada mulut Matain
- iii. Latar tempat semasa Pak Ngah Isa mencuba memulihkan Matain ialah...
- A berhampiran dengan sungai
 - B di atas rumah Mak Cik Esah
 - C di kawasan sekolah
 - D dekat dengan telaga
- iv. Ayat “Sudah tidak ada lagi.” yang digunakan dalam petikan merupakan contoh bagi...
- A sinkof
 - B metafora
 - C pengulangan
 - D Perlambangan
- v. Antara yang berikut, yang manakah bukan latar masyarakat yang terdapat dalam cerpen Anak Bumi Tercinta?
- A Masyarakat yang beragama Islam.
 - B Masyarakat yang tidak suka menolong.
 - C Masyarakat Melayu yang tinggal di kampung.
 - D Masyarakat yang bekerja sebagai petani, pekebun dan tukang rumah.

SOALAN 8

- i. Apakah tema sajak Usia ? (2 markah)
.....
- ii. Apakah persoalan bagi sajak Usia ? (2 markah)
.....
- iii. Nyatakan dua pengajaran yang terdapat dalam sajak Usia ? (2 markah)
 - a).....
 - b).....

SOALAN 9

Berdasarkan kajian Antologi Anak Bumi Tercinta huraikan tiga watak utama yang terdapat dalam prosa tradisional “ Patung Kencana dari Kuripan” . (4 markah)

[illegible]

KERTAS SOALAN TAMAT